

## TRADISI

OLEH: NOR MUHAMAD MAT ZAIN  
FOTO: PENULIS

**B**omoh dan dukun ialah pengubat sesuatu penyakit yang menggunakan ubat tradisional atau disebut sebagai kaedah dan cara kampung dalam masyarakat Melayu. Selain menggunakan kaedah ubat-ubatan yang terdiri daripada pelbagai tumbuhan, mereka juga mempunyai kemahiran lain, seperti kemahiran urutan, tulang dan sendi. Sama ada disertai jampi ataupun tidak, hal itu bergantung pada kepakaran

masing-masing. Pawang pula lebih terkenal sebagai orang yang mampu mengubati pelbagai jenis penyakit berserta bacaan mantera atau jampi.

Pengubat yang disebut sebagai bomoh terdiri daripada dua pembahagian. Yang pertama ialah pengubat yang berlandaskan syariat, seperti menggunakan ubat-ubatan dan sistem tubuh manusia, menggunakan kaedah *ruqyah syar'iyah*, dan menerima ilmu perubatan secara sah oleh

guru yang bertauliah dalam bidang perubatan Islam.

Yang kedua ialah pengubat yang mengamalkan sesuatu yang tidak dibenarkan oleh syariat Islam, seperti pemujaan roh dan semangat wali atau orang keramat, penggunaan khadam seperti khidmat jin dan syaitan, penggunaan peralatan seperti bertih jagung, asap kemenyan, pakaian khas, azimat, dan tangkal, perlakuan ritual seperti penyembelihan dan penjamuan,

# Pengubat Pelbagai Penyakit *dalam* PERUBATAN ORANG MELAYU



Dewan Budaya, September 2015

serta penggunaan bacaan mantera yang jelas bertuhankan benda lain selain Allah.

Bacaan jampi semasa perubatan terdiri daripada dua kategori. Yang pertama ialah jampi yang menggunakan ayat suci al-Quran, zikir atau doa yang diajarkan oleh Rasulullah. Yang kedua ialah jampi atau mantera yang mengandungi pemujaan makhluk lain, seperti memohon penjagaan kepada hantu dan roh wali, yang jelas syirik kepada Allah. Malik Faisal, dalam bukunya *Jampi Jelmaan Al-Quran & Hadis: Membongkar Rahsia Alam Jin & Sihir*, menyatakan bahawa "*ruqyah* terbahagi kepada dua, iaitu *ruqyah syirkiyah* dan *ruqyah syar'iyah*."

Perubatan Islam yang diamalkan dahulu dan kini mempunyai pelbagai kaedah rawatan yang menggunakan bahan jenis herba dan tumbuhan. Bahan yang dimaksudkan ialah minyak zaitun, *habbatus sauda*, kayu gaharu India, kurma *ajwah*, air zamzam, daun bidara, madu dan asam jawa. Sebagai contohnya, madu digunakan dalam perubatan moden dan tradisional Melayu yang terbukti

dapat menyembuhkan pelbagai penyakit, seperti penyakit kulit, luka, asma, alahan, barah, gastrik, resdung, sakit pinggang, sakit sendi, sukar tidur, batuk dan rambut gugur.



Pokok ati-ati yang dijadikan sebagai ubat darah tinggi.

Akar kayu yang diproses dimasukkan ke dalam kapsul.


## Pak Cu Mengubati Pelbagai Penyakit

Abdul Kadir Daud, atau lebih dikenali dengan nama samaran Pak Cu, berasal dari Kampung Permatang Pusu, Melor, Kota Bharu, Kelantan. Dia bomoh pelbagai penyakit. Ketika ditemui, dia menjelaskan bahawa "setiap penyakit ada ubat dan penawarnya." Pak Cu, 70 tahun, telah berkecimpung dalam dunia perubatan tradisional selama 40 tahun. Datuknya merupakan bekas bomoh terkemuka di Kelantan yang disebut sebagai "bomoh besar".

Pak Cu mempunyai

pengalaman mengubati sebahagian daripada pembesar istana Kelantan dan pesakit yang berada jauh dari tempat tinggalnya. Ada juga orang yang menjemputnya dari rumah untuk dibawa mengubati pesakit yang berada di luar Kelantan.

Kini Pak Cu tidak berupaya untuk



Bilik rawatan bomoh pelbagai penyakit.

berkhidmat di luar kawasan kerana kecederaan bahu kiri sebagai akibat kemalangan yang dialaminya. Oleh itu, urutan biasa sahaja yang mampu dilakukannya berserta air penawar untuk diberikan sebagai minuman kepada pesakit.

Ilmu perubatan yang diperolehi ada masanya melalui mimpi dan sebahagiannya diperturunkan oleh guru perubatan. Melalui mimpi, Pak Cu hanya mendapat petunjuk tentang ubat-ubatan yang perlu dicari bagi sesuatu penyakit – kebanyakannya terdiri daripada jenis akar kayu dan tumbuhan.

Di rumahnya, disediakan dua buah bilik rawatan. Bilik rawatan pertama untuk penyakit biasa, seperti urat terseliuh, patah tulang, urutan biasa, angin ahmar, resdung, medu, batu karang, sakit kepala dan kesuburan lelaki. Bilik kedua digunakan untuk merawat penyakit berbahaya, termasuk hal mistik atau pembawaan daripada jenis sihir, seperti santau.

Dalam satu hari, sekurang-kurangnya tiga orang hadir untuk menerima rawatan. Bagi rawatan yang tidak melibatkan ubat, Pak Cu tidak mengenakan bayaran atau “pengeras”.

Ubat-ubatan perlu dicarinya sendiri di hutan dan dia dibantu oleh isterinya yang dikenali dengan nama panggilan Mak Cu. Setiap ubat yang diperolehi

**“Mengikut kepercayaan orang Melayu lama, larak salah dapat digunakan untuk pertempuran dengan musuh kerana dipercayai bahawa sesiapa yang memilikinya dapat menyembunyikan diri daripada pelihatan seteru di samping digunakan untuk merisik rahsia musuh.”**  
- Pak Cu

diproses dalam masa beberapa hari kerana bahan yang dikisar dan diadun perlu dijemur lebih dahulu supaya kering. Ubat yang siap dihasilkan dimasukkan ke dalam kapsul dan dijual mengikut kadar jumlah yang ada di dalam bekas plastik. Harga biasanya RM10, RM15, dan RM30 mengikut jumlah biji kapsul yang terkandung di dalam botol plastik. Ubat yang dihasilkan untuk pelbagai jenis penyakit, seperti sakit urat, ubat sakit pinggang, kesuburan

lelaki, batu karang dan sembelit. Pesakit tidak disyaratkan untuk membelinya, tetapi ubat dijual kepada mereka yang memerlukannya.

Tumbuhan yang dapat dijadikan sebagai ubat dan penawar untuk pelbagai jenis penyakit termasuklah larak (nama saintifiknya *Fissistigma latifolium*). Pak Cu menjelaskan bahawa ada pelbagai jenis larak yang dapat digunakan sebagai ubat, seperti larak tunggal, larak tali kucing, larak jaga anak, larak sepang, larak pisang, larak salar, larak salah, larak hitam dan larak berbulu. Larak dikatakan jenis yang menalar di tepi pokok, kawasan sungai dan pantai. Ramuannya dikatakan mampu memulihkan luka peranakan selepas bersalin, mengurangkan kesakitan urat kerana terseliuh, menghilangkan lenguh sendi, memulihkan demam, membuang angin di dalam tubuh dan membuang batu karang.

Mengikut kepercayaan orang Melayu lama, larak salah dapat digunakan untuk pertempuran dengan musuh kerana dipercayai bahawa sesiapa yang memilikinya dapat menyembunyikan diri daripada pelihatan seteru di samping digunakan untuk merisik rahsia musuh. Jelas Pak Cu, “Makan larak tidak boleh dicampurkan dengan pemakanan ubat moden secara bersama-sama kerana dikhuatiri menjadi panas di dalam tubuh sebagai akibat tindak balas percampuran ubat. Untuk keberhasilan rawatan penyakit kerana urat, pesakit perlulah berpantang daripada memakan makanan jenis berkacang dan berangin, seperti air teh, pisang dan kekacang (kacang panjang, tauge, kacang tanah).

## Ustaz Din Bakar Perubatan Tradisional

Perawat yang hanya mahu dikenali sebagai Ustaz Din, berasal dari Kampung Pengkalan Baru, Bachok, menggunakan kaedah *ruqyah syariaah* dan mempunyai kepakaran dalam hal ubat-ubatan tradisional, seperti jenis herba dan tumbuhan. Salah seorang guru ilmu perubatannya ialah Muhammad Amin, yang juga guru salah seorang perawat Darussyifa’ (dirahsiakan nama). Pendidikannya peringkat sarjana dalam bidang syariaah di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Pesara kakitangan kerajaan yang pernah menyandang jawatan pegawai agama Islam ini menjelaskan bahawa “jangan berasa lebih daripada orang lain dan perlulah menanam sifat ikhlas apabila mengubati sesuatu penyakit.” Pesakitnya dari pelbagai negeri dan tempat, termasuk kakitangan kerajaan yang bekerja sebagai doktor perubatan.

Penyakit yang diubati ialah yang berkaitan dengan gangguan

dibaca oleh Ustaz Din. Jelasnya, “Bacaan ayat suci al-Quran mempunyai dua manfaat. Yang pertama untuk memperolehi pahala, berkat dan penawar. Yang kedua ialah membuang iblis yang mengganggu tubuh pesakit. Walau apa-apa pun, semuanya dengan keizinan Allah.”

Penyakit kedua yang dirawatnya mempunyai kaitan dengan urat dan sakit sendi, namun sekadar membaca jampi. Penyakit ketiga ialah rawatan untuk wanita yang sukar bersalin. Dalam hal ini, dia hanya sekadar membaca doa yang disyariatkan dalam agama Islam. Amalan tersebut pernah diajarkan oleh seorang gurunya, iaitu Awang Noh. Selain itu, dia juga pernah merawat kanak-kanak yang bermasalah dan bayi yang terkena sawan tangis kerana gangguan jin dan syaitan.

Untuk merawat pesakit perempuan, Ustaz Din akan mendapat keizinan daripada muhrim pesakit lebih dahulu jika rawatan melibatkan sentuhan, seperti kepala dan tangan.

al-Quran di pinggan putih yang terkandung air mineral atau air zamzam di dalam mangkuk. Seterusnya air tulisan itu dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan.

Ustaz Din juga menjelaskan bahawa penyakit seperti leukemia dapat dirawat dengan akar dan daun delima hutan yang perlu direbus dan diminum. Petua ini dikatakan anugerah oleh Allah melalui mimpi dan salah seorang pesakitnya telah sembuh dengan meminum rebusan tersebut.

Menurutnya, “Bagi rawatan penyakit kencing manis dan darah tinggi, antara bahannya termasuklah daun sirih, bawang merah, dan pinang yang direbus dan diminum satu kali dalam sehari selama tujuh hari berturut-turut. Untuk penyakit barah atau kanser payudara, antara bahannya termasuklah minyak tanah yang dicampurkan dengan lipas. Proses pertama ialah membunuh lipas dan membakar lipas itu sehingga menjadi debu. Seterusnya debu lipas diadunkan dengan beberapa titisan minyak tanah dan disapu

**“Bagi rawatan penyakit kencing manis dan darah tinggi, antara bahannya termasuklah daun sirih, bawang merah, dan pinang yang direbus dan diminum satu kali dalam sehari selama tujuh hari berturut-turut.” - Ustaz Din**

makhluk halus (jin dan syaitan). Kaedah rawatan ini hanya dengan dibaca ayat suci al-Quran dan dibekalkan air penawar untuk diminum oleh pesakit. Jika pesakit itu berada di tempat yang jauh, dia menggunakan kaedah rawatan secara jauh, menerusi bacaan *ruqyah syariaah*.

Ada pesakit yang membawa ubat yang dibeli di farmasi untuk

Sentuhan dilakukan secara berlapis dengan menggunakan sarung tangan.

Kaedah kedua dalam proses rawatan mengambil masa satu minggu untuk membuat air penawar bagi diserahkan kepada pesakit. Satu daripada cara membuat air penawar ialah dengan membaca ayat al-Quran, solat hajat, dan menulis ayat

pada tempat kanser payudara. Cara mengubati kanser payudara secara dalaman ialah dengan meminum air rebusan kulit buah manggis. Penyakit buasir pula dapat diubati dengan bahan seperti timun dan ragi. Bahan ini perlu dibalut dengan daun pisang selama tempoh beberapa hari, seterusnya dimakan oleh pesakit.”



Daun pokok larak yang dijadikan sebagai ubat oleh Pak Cu.